



Ruj.Kami : LPKP.SBH.100-8/4 Jld. 5 (31)  
Tarikh : 23 Mei 2019

Semua Pemilik Lesen Kenderaan Barangan  
Semua Pemilik Lesen Pengangkutan Awam  
Semua Bakal Pemilik Lesen Kenderaan Perdagangan

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/ Tuan/ Puan,

### **FORMAT SURAT KEBENARAN DEPOH BAGI TANAH YANG DIMILIKI OLEH INDIVIDU / SYARIKAT LAIN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Bil. 5/2019 bertarikh 21 Mei 2019 telah memutuskan agar semua surat kebenaran pemilik tanah bagi tujuan depoh kenderaan perdagangan perlu mengikut format seperti di **Lampiran 1** untuk tanah milikan individu dan **Lampiran 2** untuk tanah milikan syarikat.

3. Untuk makluman, arahan ini terpakai bagi semua jenis permohonan yang memerlukan depoh kenderaan. Syarat-syarat lain seperti surat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), salinan geran tanah dan gambar depoh adalah kekal. Arahan ini akan mula **berkuatkuasa pada 1 Julai 2019**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum akan perkara ini jua. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini boleh menyebabkan permohonan yang dikemukakan tidak dapat diproses. Segala kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/ Tuan/ Puan dalam hal ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,

( ARFIAN BIN JULIAN )

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

**s.k.** Penolong Pengarah (Pelesenan)  
Ketua Cawangan LPKP Sandakan  
Ketua Cawangan LPKP Tawau

---

---

[ ALAMAT PEMILIK TANAH ]

---

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Aras 4, Blok C & D, Kompleks KWSP  
49 Jalan Karamunsing  
88000 Kota Kinabalu  
SABAH

[TARIKH]

Tuan,

**KEBENARAN MENGGUNAKAN TANAH MILIK [NAMA PEMILIK] SEBAGAI DEPOH KENDERAAN PERDAGANGAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya [NAMA PEMILIK TANAH] membenarkan tanah di atas nama saya digunakan sebagai depoh kenderaan perdagangan seperti maklumat berikut:

**No. Geran Tanah** : [ XXX ]  
**Alamat tanah** : [ XXX ]  
**Nama syarikat/individu** : [ INDIVIDU / SYARIKAT YANG MENYEWA TANAH ]

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah dipohon untuk mengambil maklum akan hal ini jua. Segala perhatian yang diberikan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

( NAMA PEMILIK TANAH )

---

---

[ KEPALA SURAT SYARIKAT ]

---

[ TARIKH ]

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah  
Aras 4, Blok C & D, Kompleks KWSP  
49 Jalan Karamunsing  
88000 Kota Kinabalu

Tuan,

**KEBENARAN MENGGUNAKAN TANAH MILIK [NAMA SYARIKAT] SEBAGAI DEPOH KENDERAAN PERDAGANGAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa [ NAMA SYARIKAT ] membenarkan tanah di atas nama syarikat digunakan sebagai depoh kenderaan perdagangan seperti maklumat berikut:

No. Geran Tanah : [ XXX ]  
Alamat tanah : [ XXX ]  
Nama syarikat/individu : [ INDIVIDU / SYARIKAT YANG MENYEWA TANAH ]

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah dipohon untuk mengambil maklum akan hal ini jua. Segala perhatian yang diberikan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar

( NAMA PENGURUS / PENGARAH SYARIKAT )  
[ JAWATAN DALAM SYARIKAT ]

